

Ruj. Kami : UPM/PEND/500-3/2/1

Tarikh : 28 Ogos 2017

JAWATAN KOSONG

HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (HPUPM)

Kami mempelawa Warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan komitmen yang tinggi dan bercita-cita untuk berkhidmat dalam sebuah Universiti yang sedang menuju ke arah Universiti bertaraf dunia bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN 1 : PEGAWAI PERUBATAN GRED UD43
--

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM3,611.00 – RM9,656.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) (i) ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia atau;
- (ii) calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- b) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan.

Gaji permulaan ialah : UD43: RM3,611.00;

Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Ringkasan Tugas

Memberikan perkhidmatan dan bertanggungjawab dalam bidang perubatan dan kesihatan dari segi pencegahan diagnostik, perawatan dan pemulihan bagi mengawal dan mempertingkatkan taraf kesihatan warga universiti dan masyarakat setempat.

JAWATAN 2 : PEGAWAI DIETETIK GRED U41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,429.00 – RM9,656.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) (i) ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang dietetik, pemakanan atau sains pemakanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,429.00) atau
(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang ekonomi rumah tangga (*home economics*) serta memiliki diploma pasca siswazah dalam bidang dietetik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM2,429.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- d) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas berkaitan pengurusan dan pemantauan perkhidmatan klinikal dietetik dan komuniti, perancangan dan penyediaan makanan berzat dan sesuai berdasarkan Hospital Diet Manual, khidmat nasihat kepada pesakit yang memerlukan diet terapeutik, merancang dan melaksanakan aktiviti latihan dan penyelidikan berkaitan.

JAWATAN 3 : PEGAWAI OPTOMETRI GRED U41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,429.00 – RM9,656.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah Sarjana Muda Optometri yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia. (Gaji permulaan : RM2,429.00) atau
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keahlian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan mata untuk mengesan anomali fungsi penglihatan, merawat dan mengendalikan anomali tersebut menggunakan cermin mata, kanta sentuh, prisma, terapi visual dan *low vision devices* di samping menjadi perunding dalam masalah penglihatan warna secara profesional di dalam industri, pemanduan jalan raya serta memberi khidmat nasihat bagi memenuhi keperluan dan harapan pemegang taruh.

JAWATAN 4 : PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,429.00 – RM9,656.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) ijazah sarjana muda keahlian dalam bidang pemulihan perubatan (pertuturan, audiologi, cara kerja, fisioterapi) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM2,429.00).
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keahlian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- e) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurupulih Perubatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) mempunyai kelayakan di perenggan (a); dan
- b) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab dalam aspek perawatan pemulihan pesakit dalam bidang pengkhususan berkaitan dan membuat penilaian, perancangan dan pengurusan program rehabilitasi terhadap pesakit-pesakit.

JAWATAN 5 : PEGAWAI FARMASI GRED UF41
--

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,740.00 – RM9,656.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) ijazah sarjana muda dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia. (Gaji permulaan : RM2,740.00).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Farmasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Farmasi Gred UF41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) mempunyai kelayakan di perenggan (a); dan
- b) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab berkhidmat di hospital kerajaan dengan menjalankan aktiviti-aktiviti pengurusan farmasi termasuk perolehan, bekalan, pendispensan produk-produk farmaseutikal dan farmasi klinikal. Menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasa undang-undang farmasi termasuk urusan pentadbiran atau terlibat dengan pengawalan farmaseutikal kebangsaan dengan menjalankan aktiviti-aktiviti regulatori iaitu menganalisis kandungan bahan-bahan ubat, kosmetik dan ubat tradisional dan pendaftarannya serta aktiviti perlesenan.

JAWATAN 6 : JURURAWAT GRED U41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,429.00 – RM9,656.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia. (Gaji permulaan : RM2,429.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas perawatan dan penjagaan pesakit, pendidikan dan promosi kesihatan, pengawalan dan keselamatan pesakit, peralatan dan ubat-ubatan yang digunakan serta tugas-tugas pengurusan, perancangan, latihan dan penyelidikan bagi meningkat dan mengawal mutu perkhidmatan kejururawatan.

JAWATAN 7 : JURUTERA GRED J41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,529.00 – RM9,643.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM2,529.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a); atau
(ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- b) had umur pelantikan:

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

JAWATAN 8 : PEGAWAI SAINS GRED C41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,317.00 – RM9,620.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM2,317.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Bidang Pengkhususan

- Sains Fizik
- Sains Perubatan
- Biokimia/ Kimia/ Biologi

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Juruterapi Pergigian dan Juruteknologi Pergigian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Sains Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) mempunyai kelayakan di perenggan (a); dan
- b) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab dalam memastikan pengoperasian makmal pengajaran atau makmal penyelidikan beroperasi dengan efisien. Bertanggungjawab ke atas pengurusan makmal pengajaran amali mengikut program dan latihan ilmiah pelajar memastikan pengurusan kawalan kualiti, pembangunan pengetahuan dan kemahiran anggota organisasi, mengawal kewangan serta peralatan organisasi. Mengurus dan mengambil tindakan aduan pelanggan. Merancang dan memantau amali serta menguruskan taklimat keselamatan. Memastikan pembangunan kualiti organisasi sentiasa dikemaskini. Merancang sumber tenaga manusia.

JAWATAN 9 : JURU X-RAY GRED U29
--

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,797.00 – RM5,753.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) diploma dalam bidang radiografi, pengimejan perubatan, radioterapi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : U29: RM1,797.00).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab menghasilkan imej perubatan untuk membantu pakar dan Pegawai Perubatan dalam mendiagnos penyakit, menilai imej dan radiografi yang dihasilkan, menguruskan hal-hal berkaitan permohonan pemeriksaan radiografi, bertanggungjawab terhadap penjagaan dan kawalan mutu peralatan yang digunakan serta tugas-tugas perancangan, pengurusan, latihan dan penyelidikan bagi meningkat dan mengawal mutu perkhidmatan Juru X-Ray.

JAWATAN 10 : JURURAWAT GRED U29
--

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,797.00 – RM5,753.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) diploma dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.
(Gaji permulaan : RM1,797.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) mempunyai kelayakan di perenggan (a); dan
- b) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas perawatan dan penjagaan pesakit, pendidikan dan promosi kesihatan, pengawalan dan keselamatan pesakit, peralatan dan ubat-ubatan yang digunakan serta tugas-tugas pengurusan, perancangan, latihan dan penyelidikan bagi meningkat dan mengawal mutu perkhidmatan kejururawatan.

JAWATAN 11 : JURUPULIH PERUBATAN GRED U29
--

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,797.00 – RM5,753.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Diploma dalam bidang fisioterapi, pemulihan cara kerja atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,797.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan

Ringkasan Tugas

- Bertanggungjawab menilai dan mengenal pasti masalah pesakit dengan terperinci berlandaskan clinical reasoning dan kefahaman fisiologi serta manifestasi penyakit dan kecederaan. Menganalisa keutamaan masalah yang dihadapi.
- Menjalankan rawatan dengan menggunakan berbagai intervensi generic. Merancang, membentuk dan melaksanakan program promosi kesihatan dalam aspek berkaitan dan relevan dengan fisioterapi.
- Merancang dan melaksanakan aktiviti pencegahan bagi mengelak komplikasi berkaitan dengan kecederaan, penyakit dan peningkatan umur.

- Merancang dan melaksanakan program rehabilitasi untuk mengembalikan pergerakan dan kefungsiannya ke tahap maksima berdasarkan evidence based practice dan teknologi semasa.
- Merancang dan melaksanakan program bagi mengembangkan skop perkhidmatan fisioterapi merangkumi aktiviti/ program latihan dan penyelidikan.

<p>JAWATAN 12 : PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29</p>
--

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,797.00 – RM5,753.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Diploma dalam bidang pembantu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia. (Gaji Permulaan : RM1,797.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab memberi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat dari aspek kuratif, preventif pencegahan, promosi dan pemulihan dalam sistem perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Memberi rawatan kuratif, preventif pencegahan serta perkhidmatan bantuan kecemasan di pusat-pusat kesihatan termasuk Dispensari Statik dan Bergerak, Jabatan Pesakit Luar Kesihatan Am dan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan. Memberi rawatan awal dan segera serta sokongan bagi semua kes kecemasan dan merujuk kes-kes berkenaan untuk pengendalian selanjutnya kepada pegawai perubatan, memberi perkhidmatan bantuan di pelbagai Jabatan Kepakaran, institusi-institusi wad dan program-program lain.

<p>JAWATAN 13 : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29</p>
--

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,549.00 – RM5,684.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) (i) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,549.00); atau
 - (ii) sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,549.00); atau
 - (iii) diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,855.00); atau
 - (iv) diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,929.89); dan
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- e) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) mempunyai kelayakan di perenggan (a); dan
- b) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab dalam membangun program baru untuk sesuatu sistem gunaan komputer, mengembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, menyelenggara sistem dan memberi latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

JAWATAN 14 : PEREKA GRED B19

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,360.00 – RM4,032.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) (i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan. (Gaji Permulaan : RM1,360.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.(Gaji Permulaan : RM1,360.00); atau
 - (iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan : RM1,360.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,418.12); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,476.24)
- b) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan a(i), a(ii), a(iii),a(iv) dan a(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk grafik dan multimedia, pameran dan publisiti luar ke atas kempen-kempen kerajaan dalam bentuk visual dan paparan bagi kerja yang berkaitan dengan seni dalam usaha memasarkan maklumat dan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat. Bertanggungjawab dalam mencipta rekaan untuk persembahan dan props produksi. Menyelaraskan, merancang, menyediakan reka bentuk bahan-bahan penerbitan dan trofi. Bertanggungjawab memastikan pentas persembahan, persiapan upacara sambutan ketibaan tetamu serta menyelaraskan bahan promosi ke negeri-negeri, di majalah, radio dan sidang media.

1.TARAF JAWATAN: Jawatan di atas bertaraf **TETAP**.

2.SYARAT LAIN:

- a) Pemohon mestilah Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan mestilah berumur tidak melebihi 50 tahun;
- d) Syarat umur bagi pertimbangan Peningkatan Secara Lantikan (PSL)
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- e) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa; dan
- f) Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam, calon yang memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan berikut:
 - a) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
 - b) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
 - c) memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu Kepujian dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

CARA MEMOHON :

Semua permohonan jawatan adalah menggunakan Sistem Permohonan Jawatan secara *Online* (SPJOnline) sepenuhnya dengan memasuki laman web **<http://spj.upm.edu.my>**

PERHATIAN :

Permohonan secara *online* yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan.

Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

TEMPOH IKLAN:

Sistem Permohonan Jawatan secara *online* (SPJOnline) akan mula dibuka pada **29 Ogos 2017 (Selasa) dan akan ditutup pada 12 September 2017 (Selasa).**